



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “AL-QURAN: MUKJIZAT KURNIAAN ILAHI”

15 April 2022 / 13 Ramadan 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَنْزَلَ الْقُرْآنَ وَخَلَقَ الْإِنْسَانَ وَعَلَّمَهُ الْبَيَانَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kita telah dikurniakan usia dan kesihatan, pada hari ini dapat berkunjung ke rumah Allah untuk bersolat Jumaat di samping melakukan ibadah puasa Ramadan pada hari ke-13. Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan setiap larangan Nya, mengikhlaskan amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah, diperkukuhkan iman, mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Menjelang Hari Nuzul Al-Quran, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk;

### “Al-Quran; Mukjizat Kurniaan Ilahi”

Firman Allah SWT:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

Maksudnya: Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. (Al-Baqarah, ayat 185)

Al-Quran ialah kalam Allah yang mengandungi mukjizat terbesar, diturunkan kepada Baginda SAW bermula pada bulan Ramadan, secara berperingkat-peringkat, mengambil

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



masa 22 tahun, 2 bulan, 22 hari. Susunan al-Quran terdiri daripada cantuman 28 huruf Hijaiyah; keseluruhan al-Quran mengandungi 323,761 huruf, 77,437 kalimah, 6236 ayat, 114 surah dan 30 juzuk. Al-Quran memiliki kelebihan dan keistimewaan, berperanan sebagai panduan kehidupan dan petunjuk, merupakan sumber rujukan yang lengkap mengenai pelbagai aspek kehidupan, merangkumi perundangan, pentadbiran, politik, peperangan, sosial, ekonomi, sains, teknologi, kebajikan, kekeluargaan, dan pelbagai perkara lagi, yang bertunjangan prinsip keadilan sejagat.

Al-Quran bukan sekadar membimbing manusia menuju kebahagiaan dunia dan akhirat, malah menjadi penawar rohani dan jasmani; mendengar ayat-ayatnya bila dibaca, begitu mendamaikan jiwa, tidak menjemukan walaupun dibaca berulang kali, dikurniakan ganjaran bagi setiap huruf yang dibaca, apatah lagi menghafal, menghayati dan mengamalkan isi kandungannya. Oleh itu perbanyakkan membaca al-Quran, kerana Nabi SAW menjanjikan ganjaran yang amat besar seperti sabda Baginda;

**اقْرءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ**

Maksudnya: Bacalah al-Quran, kerana sesungguhnya ia datang kepada pembacanya sebagai syafaat pada hari akhirat. (Riwayat Muslim: 805)

### **Muslimin yang dirahmati Ilaahi**

Tujuan utama al-Quran diturunkan adalah untuk membentuk peribadi mulia, melahirkan modal insan yang cemerlang seterusnya membina tamadun berpaksikan tauhid. Sejak al-Quran diturunkan, masyarakat Arab, khususnya umat Islam mengalami perubahan kehidupan yang lebih bermakna. Para sahabat Baginda SAW menjadi produktif, berani, berprinsip, berdisiplin, menjulang kebenaran dan menegakkan keadilan. Selepas kewafatan Baginda SAW, gabungan al-Quran dan hadis telah menjadi tunggak utama yang membantu membangunkan peradaban Islam yang gemilang melalui barisan kepimpinan generasi sahabat RA dan diteruskan oleh generasi berikutnya.

Generasi para sahabat menjadikan al-Quran sebagai rujukan dan menerokai mukjizatnya. Mereka mengambil manfaat al-Quran dengan memahami dan mengamalkan kandungannya sehingga berjaya membina budaya hidup bertamadun tinggi. Mereka tidak memisahkan dunia dengan akhirat, malah dunia ditadbir urus sebaik mungkin menurut prinsip-prinsip yang terkandung dalam al-Quran. Mereka sedar bahawa al-Quran ialah sumber kekuatan ilmu bagi umat Islam. Al-Quran berperanan memberikan petunjuk



dan ilham hingga terlahirnya tokoh-tokoh ilmuwan dan pemikir seperti Imam As-Syafie, Imam Bukhari, Ibnu Khaldun, Al-Khawarizmi dan ramai lagi.

Untuk mencapai tahap kegemilangan, umat Islam wajib berpegang kepada al-Quran, menghayati seluruh nilai yang ada untuk diamalkan secara penuh. Jika ayat-ayat al-Quran dibaca tanpa fahaman dan jika ayat-ayat al-Quran dibaca tanpa penghayatan, roh al-Quran tidak akan meresap dan hidup dalam jiwa insan; kerana itu, pada hari ini, kita menyaksikan masih terdapat orang-orang yang tanpa segan silu dan tanpa malu, melakukan pelbagai kemungkaran, seperti bersifat munafik, berdusta, merompak dan mencuri, melakukan rasuah dan pecah amanah, mengamalkan riba, berzina, derhaka kepada ibu bapa, dan melakukan pelbagai kemungkaran.

### Sidang Jumaat yang dihormati

Pendidikan al-Quran hendaklah bermula sedari awal. Nilai-nilai yang terkandung dalam al-Quran hendaklah disemai sewaktu anak-anak masih kecil. Kaedah pengajaran al-Quran perlu ditingkatkan daripada sekadar membaca dan menghafal kepada memahami dan menghayati. Kaedah mengajar al-Quran yang berupaya menyemai rasa kasih anak-anak kepada al-Quran hendaklah diterokai, diperkenalkan dan dilaksanakan. Pelbagai usaha perlu dirintis untuk menghidupkan minat anak-anak mahu mencari rahsia-rahsia yang dapat membantu mereka memahami tujuan al-Quran diturunkan, serta rahmat dan pelajaran yang terkandung di dalamnya selaras dengan ayat 29 Surah Sad,

﴿ كَتَبْنَا إِلَيْكَ مَبْرُوكًا لِيَتَّبِعُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴾

Bermaksud: Al-Quran yang Kami turunkan kepadamu penuh berkat agar mereka menghayati ayat-ayatnya dan agar orang yang berakal sihat mendapat pelajaran.

### Hadirin yang dirahmati Allah

Mimbar menyeru peringatan-peringatan berikut:

**Pertama:** Al-Quran ialah kitab ilmu yang mengandungi pelbagai pelajaran dan hikmah, penerangan dan pentunjuk bagi orang-orang yang bertakwa.

**Kedua:** Dampingkan diri dengan al-Quran, dengan menjadikan amalan membacanya meskipun bermula dengan sepotong ayat setiap hari. Fahami maknanya, hayati hikmah yang terkandung, dan jadikan panduan dalam kehidupan harian.



**Ketiga:** Jadikan al-Quran teman hidup, kelak ia menjadi teman setia, ketika kita bersendirian di alam barzakh, dan al-Quran akan memberi pertolongan ketika kita berada di Padang Mahsyar.

**Keempat:** Jadikan kisah-kisah yang terkandung dalam al-Quran sebagai sumber motivasi dalam kehidupan, penawar kepada kesedihan, penyembuh kepada keperitan ujian, dan peneguh jiwa dan hati, serta penunjuk kepada jalan yang lurus.

**Kelima:** Diusahakan dan diperkenalkan cara pengajaran al-Quran yang menggunakan teknologi moden agar dapat menarik minat anak-anak merasa suka dan tidak merasa bosan sewaktu belajar Al-Quran.

**Keenam:** Mempelajari al-Quran sepanjang hayat dan tidak berhenti di peringkat boleh membaca dan menghafal sahaja, tetapi hendaklah diteruskan ke peringkat memahami dan menghayati dan seterusnya mengamalkan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، اللَّهُمَّ اجْعَلِ الْقُرْآنَ حُجَّةً لَنَا وَلَا تَجْعَلْهُ حُجَّةً عَلَيْنَا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, Engkau muliakan kami dengan al-Quran. Dengannya Engkau mudahkan urusan kami, berkati rezeki kami, bimbing kehidupan kami, lapangkan dada kami, kurniai kami dengan keafiatan, luaskan kubur kami dan masukkan kami bersama anak cucu kami ke dalam syurga Mu.

**Ya Razzaq**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
 يَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ  
 عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
 تَصْنَعُونَ.